

MAHATHIR PERPADUAN

1978
BACHOK, 28 JUN (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PERPADUAN MEMBERI KEKUATAN KEPADA YANG KEMAH TETAPI TIDAK MEMBERI KELEMAHAN KEPADA YANG KUAT.

KATANYA, MENYEDARI HAKIKAT ITULAH MAKA KERAJAAN BERJUANG BERSUNGGUH—SUNGGUH BAGI MENYATUPADUKAN BERBAGAI KAUM DI NEGARA INI.

KATANYA, USAHA KERAJAAN MENYATAPADUKAN KAUM—KAUM DI NEGARA INI TIDAK SEKALI—KALI KERANA MOTOF POLITIK TETAPI KERANA MAHU MERINTUHKAN PAGAR YANG MENGHALANG PENCAPAIAN KEDUDUKAN YANG SEWAJARNYA BAGI BANGSA MALAYSIA DIDUNIA INI.

“KITA MAHU BANGSA KITA DUDUK SAMA RENDAH DAN BERDIRI SAMA TINGGI DENGAN BANGSA—BANGSA LAIN DAN INI HANYA AKAN TERCAPAI MENERUSI PERPADUAN.” TEGAS BELIAU SEMASA

BERUCAP MERASMIKAN DEWAN BANDARAN JAJAHAN INI DI SINI PAGI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ISTERINYA ADALAH DALAM RANGKA LAWATAN KE KELANTAN SELAMA SEHARI. TERDAHULU DARI ITU, BELIAU TELAH MERASMIKAN PEMBUKAAN SEKOLAH KEBANGSAAN KEDAI LALAT, DEKAT SINI DAN PETANG INI, MASJID LATI DI PASIR MAS.

BELIAU MENGGESA RAKYAT SUPAYA SEDAR TENTANG PERLUNYA DIKEKALKAN PERPADUAN KERANA MENERUSINYA DAPAT DIWUJUDKAN SATU KUMPULAN YANG BERKESAN.

MAHATHIR — PERPADUAN 2 BACHOK

BELIAU JUGA MINGGATKAN RAKYAT TENTANG ADANYA GOLONGAN TERTENTU YANG KINI MUNCUL UNTUK MEMECAHBELAHKAN PERADUAN ITU DEMI KEPENTINGAN POLITIK MEREKA.

“RAKYAT JANGANLAH SEKALI—KALI TERSERET OLEH GOLONGAN ITU KERANA RAKYAT PERLU BERSATUPADU ANTARA SATU SAMA LAIN DAN NEGERI—NEGERI DI DALAM NEGARA INI PERLU BERSATU MENERUSI PENERIMAAN KONSEP PERSEKUTUAN UNTUK MEMBOLEHKAN SEMUA PIHAK MENGECAPI NIKMAT BERSAMA.” TEGASNYA.

KATANYA, KERAJAAN TIDAK MAHU MELIHAT SEKALI LAGI KERAJAAN NEGERI BERPISAH DARI KERAJAAN PERSEKUTUAN AKIBAT PERBUATAN GOLONGAN—GOLONGAN YANG MENGANTIKAN POLITIK DIRI SENDIRI SAPERTI YANG PERNAH BERLAKU SEBELUM NEGARA INI MENCAPAI KEMERDEKAAN DIMANA TERDAPATNYA NEGERI—NEGERI MELAYU BERSEKUTU, TIDAK BERSEKUTU DAN NEGERI—NEGERI SELAT.

“DENGAN ADANYA PERSEKUTUAN, NEGERI—NEGERI YANG KAYA DAPAT MENYALURKAN BANTUAN KEPADA NEGERI—NEGERI YANG MISKIN TANPA MENJEJASKAN KEKAYAAN NEGERI ITU SENDIRI DAN PADA MASA YANG SAMA MEMBANGUNKAN NEGERI YANG MISKIN ITU.

“KALAU KITA IZINKAN PECAHABELAH MAKA KITA SENDIRILAH YANG AKAN MENERIMA AKIBATNYA KELAK.” TEGASNYA.

SELEPAS ITU BERUCAP DI SEKOLAH KEBANGSAAN KEDAI LALAT TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN MEMBELANJAKAN LEBIH \$72 JUTA SETAHUN BAGI GAJI GURU—GURU SEKOLAH DI KELANTAN.

—BERNAMA HM 1710